

# Rakyat Malaysia sehebat bangsa lain

um- 8/12/2006

**DALAM** masa terdekat rakyat Malaysia bakal bergelar angkasawan. Ia bukanlah khayalan atau omong kosong. Mungkin ramai rakyat Malaysia tidak sedar tarikh keramat tersebut. Program ini dilancarkan pada 2003. Pada 2006 kita berjaya mengenali angkasawan Malaysia. Tahun 2007 akan terpahat dalam sejarah negara sebagai tahun cemerlang dalam bidang sains apabila angkasawan negara mengibarkan Jalur Gemilang di angkasa lepas.

Pastinya ia merupakan kejutan kepada rakyat Malaysia. Selama ini kita tidak yakin bahawa sebuah negara yang pernah dijajah selama 446 tahun dapat membangun dan maju dalam tempoh 49 tahun. Rakyat Malaysia kini boleh bangga terhadap kebolehannya kepada dunia luar amnya dan kepada bekas penjajah bahawa Malaysia kini adalah sebuah negara yang perlu dihormati oleh orang lain.

Dulu kita tidak percaya anak jati Malaysia boleh membina jambatan sepanjang 13 kilometer merentasi Selat Melaka. Masih ramai rakyat Malaysia sinis dan tidak percaya negara kita, Malaysia memiliki bangunan kembar tertinggi di dunia. Masih juga terdapat segelintir manusia di Malaysia yang tidak percaya rakyat Malaysia mampu mereka cipta bangunan seperti di Putrajaya. Inilah hakikat sebenar yang masih membelenggu jasad dan minda rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia tidak ada kekurangan

berbanding dengan mana-mana bangsa di dunia. Kita sama-sama hebat tetapi kita tidak sedar bahawa kita hebat. Contohnya, baru-baru ini saya sempat bercakap dengan beberapa rakyat Korea; rata-rata mereka kagum dengan kepakaran yang dimiliki oleh kita.

## Peranan

Segala pujian kepada kerajaan Malaysia melalui agensinya yang bertanggungjawab. Tetapi bukan semua rakyat Malaysia mempunyai sikap dan jati diri sedemikian rupa. Sekurang-kurangnya, rakyat Malaysia akan sedar tentang tanggungjawab dan peranan dalam membina sebuah negara yang berjaya.

Masih ramai rakyat Malaysia lalai, alpa dan bercakapan antara satu sama lain berhubung perkara yang tidak penting. Ia merupakan pembaziran tenaga. Marilah sama-sama berganding bahu untuk membina negara kita yang berjaya.

Mari kita renung sejenak apa yang berlaku di keliling kita. Sedang ahli politik berpidato dan bersandiwara di pentas politik tentang ketelusan dalam pentadbiran, sedang ahli akademik berdiskusi dan berdialog untuk menegakkan kesahihan data yang mereka kumpul, sedangkan ahli sukan berada tenaga dan bertegang urat antara satu sama lain, sedang puluhan manusia bernama bomoh bertengkar ten-

tang kesahihan toyol di pameran toyol di Perpustakaan Negeri, Shah Alam baru-baru ini, sedang ratusan ribu pelajar tenggelam di lautan buku untuk menguji kepintaran mereka, sedang segelintir kumpulan gangster bergaduh siang malam dan bermandikan darah sehingga mencabar keamanan dan ketenteraman awam, pada masa dan di tempat yang sama iaitu tanah tercinta Malaysia ini terdapat segelintir manusia yang tidak kenal penat lelah, membawa diri mereka ke dunia asing dengan perasaan penuh bertanggungjawab berusaha untuk menawan angkasa lepas melalui dua orang angkasawan negara. Tuhan yang maha kuasa harus panjangkan umur mereka supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia hidup bermaruah.

## Dibelenggu

Bagi rakyat negara maju, kajian mengenai angkasa lepas dan fahaman tentang dunia angkasa lepas adalah jauh berbeza dengan rakyat negara dunia ketiga yang masih mundur dan beranggapan angkasa lepas sebagai tempat penuh misteri terutama bagi rakyat yang masih dibelenggu dengan cerita mistik dan alam ghaib.

Saya difahamkan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) sudahpun bergerak dengan suatu misi murni yang bukan

sahaja bertujuan meneroka angkasa lepas semata-mata tetapi untuk membuktikan kepada dunia luar bahawa rakyat Malaysia berhak duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan yang lain di arena antarabangsa.

Rakyat Malaysia bukanlah seperti digambarkan oleh sekumpulan manusia yang menggelar diri mereka sebagai bijak pandai tetapi indoktrinkan manusia lain sebagai malas, berminat kepada ilmu hitam dan sebagainya.

Saya mohon supaya suatu siri penjelajahan dengan membawa angkasawan mengelilingi seluruh negara dapat dilakukan. ANGKASA perlu membanyakkan bengkel dan ceramah di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti.

Di samping itu, maklumat berkenaan perlu dikongsi bersama oleh seluruh rakyat Malaysia. Oleh itu, pertubuhan politik dan belia perlu mengeluarkan bajet untuk mempopularkan aktiviti berkenaan. Kempen promosi aktiviti angkasa tidak harus disandarkan kepada Agensi Angkasa Negara semata-mata. Kesemua pertubuhan boleh melakukan kempen berkenaan ibarat aktiviti jabatan masing-masing.

Semoga Malaysia akan dipandang tinggi oleh dunia setelah angkasawan negara kembali dengan jayanya ke bumi.

**- THILAGAVATHY PATHINI,  
Kuching, Sarawak.**